



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# TAHAP KEBERKESANAN PENERIMAAN PELAJAR MELALUI PEDAGOGI SECARA ATAS TALIAN BAGI KURSUS TARI TRADISIONAL MELAYU, SEMESTER 2

ANNA ANAK MINIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TAHAP KEBERKESANAN PENERIMAAN PELAJAR MELALUI PEDAGOGI SECARA  
ATAS TALIAN BAGI KURSUS TARI TRADISIONAL MELAYU, SEMESTER 2**

**ANNA ANAK MINIK**

**PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
KURSUS KAJIAN ILMIAH APC3053**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 January 2023

#### i. Perakuan pelajar:

Saya, Anna Anak Minik (D20201092225) Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan (Tari) dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk *Tahap Keberkesanan Penerimaan Pelajar Melalui Pedagogi Secara Atas Talian Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu, Semester 2* adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Tandatangan pelajar

#### ii. Disemak oleh:

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Penyelia: En Raziman Bin Sarbini

Tarikh: 23 Januari 2023

#### iii. Disahkan oleh:

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Penyelaras: Dr. Fara Dayana Binti Mohd Jufry

Tarikh: 23 Januari 2023





## PENGHARGAAN

Salam sejahtera saya ucapkan. Pertama kali bersyukur ke hadrat Illahi ke atas kurniaaNya, akhirnya berjaya juga saya menyelesaikan penulisan ilmiah kursus kajian ilmiah saya dengan lengkap pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya diberi peluang yang banyak untuk menyelesaikan penulisan ilmiah ini dengan bantuan dan keberkatan Tuhan, banyak usaha dan keyakinan diri dalam melaksanakan penyelidikan ini.

Pertama sekali, saya ini mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Raziman bin Sarbini atas segala bantuan beliau dalam penulisan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah saya yang turut terlibat sepanjang saya menjalankan penulisan ilmiah ini terutamanya Encik Hafzan Zannie Bin Hamza. Saya amat menghargai dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana banyak memberikan nasihat, bimbingan, cadangan, dorongan dan sokongan moral beliau semasa saya menghadapi masalah untuk menjalankan penulisan ilmiah ini. Terima kasih banyak-banyak kepadanya kerana menjadi begitu baik, memahami, bersabar dan memberikan saya kekayaan maklumat semasa melaksanakan penyelidikan ini. Lebih-lebih lagi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pensyarah saya bagi subjek APC3053 Kajian Ilmiah iaitu Dr. Fara Dayana Binti Mohd Jufry kerana banyak mengajar kami tentang bagaimana untuk menulis penulisan ilmiah yang baik.

Seterusnya, tidak lupa juga dengan keluarga tercinta yang banyak memberikan sokongan fizikal serta mental sepanjang melaksanakan tesis ini. Saya amat bersyukur kerana mereka tidak jemu memberikan pertolongan dari segi kewangan dan nasihat semasa saya memerlukan mereka. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan sepejuangan, kerana sentiasa membantu dan memahami dengan banyak mengorbankan masa, tenaga, pandangan serta tunjuk ajar sepanjang kita bersama-sama menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dan kepada semua orang yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana memberi peluang dan ruang untuk menjalankan tesis ini dengan lancar.





## ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang aplikasi pedagogi tubuh dalam pengajaran dan pembelajaran Tari Tradisional Melayu di UPSI. Untuk itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelajar, menjelaskan keberkesanan kaedah pembelajaran dan tahap penerimaan pelajar melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam Pdp secara atas talian bagi kursus ADP3043 Tari Tradisional Melayu. Kajian ini bersifat kuantitatif dengan menggunakan kaedah sumber primer iaitu pemerhatian secara langsung dengan melibatkan borang soal selidik sebagai instrument kajian dan membuat rujukan melalui pembacaan bahan sekunder. Sebanyak 21 orang responden termasuk pelajar yang telah terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, data-data yang dikumpulkan dari hasil soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS V29. Kajian ini adalah penting untuk memahami kaedah yang digunakan oleh pensyarah untuk mengelakkan sebarang permasalahan yang mungkin menjelaskan atau menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Justeru itu, pengkaji akan melakukan penyelidikan ini agar dapat membantu pensyarah untuk mengambil langkah-langkah untuk memberikan kesediaan kepada generasi akan datang dalam temberuskan pengajaran atas talian.

Kata kunci: Pedagogi; Pengajaran dan pembelajaran; Tari Tradisional Melayu; Kesediaan; Keberkesanan





## ABSTRACT

This study focuses on the application of body pedagogy in the teaching and learning of Traditional Malay Dance at UPSI. For that, a study was conducted to identify the level of student readiness, explain the effectiveness of the learning method and the level of student acceptance through the teaching method used by the lecturer in Pdp online for the ADP3043 Malay Traditional Dance course. This study is quantitative by using the primary source method, which is direct observation by involving a questionnaire as a research instrument and making references through the reading of secondary materials. A total of 21 respondents including students who have been involved in this study. Therefore, the data collected from the questionnaire will be analyzed using IBM SPSS V29 software. This study is important to understand the methods used by lecturers to avoid any problems that may affect or complicate the online teaching and learning process. Therefore, the researcher will conduct this research in order to help lecturers to take steps to provide readiness to the next generation in continuing online teaching.



**Keywords:** Pedagogy; Teaching and learning; Malay Traditional Dance; Readiness; Effectiveness





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN KEASLIAN PENULIS</b>	i
-----------------------------------	---

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	iii
----------------	-----

<b>ABSTRACT</b>	iv
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	v
------------------	---

<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
-----------------------	------

<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
----------------------	----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
--------------------------	---

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi
-------------------------	----

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.6.1 Hipotesis Penyelidikan	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	13

### BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	14
2.2 Pengenalan Pedagogi	14
2.3 Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan	16





2.4	Model Pengajaran	17
2.5	Gaya Pembelajaran	18
2.6	Tari Tradisional Melayu	20

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Unit / Tahap Analisis	26
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	26
3.4.1	Teknik Persampelan	27
3.5	Instrumen Kajian	28
3.5.1	Soal Selidik	29
3.5.2	Pemerhatian	32
3.5.3	Kaedah Perpustakaan	33
3.6	Analisis Data	33
3.7	Kajian Rintis	33
3.7.1	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	34
3.7.2	Kebolehpercayaan Keputusan Ujian Kajian Sebenar	34
3.8	Prosedur Penyampaian Data	35
3.9	Kaedah Menganalisis Data	35
3.10	Rumusan	36

### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Dapatan dan Perbincangan	37
4.2	Latar Belakang Responden	38
4.3	Objektif 1: Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Secara Atas Talian	39
4.4	Objektif 2: Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Yang Digunakan Oleh Pensyarah Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu Secara Atas Talian	41
4.5	Objektif 3: Tahap Penerimaan Pelajar Melalui Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Pdp Secara Atas Talian Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu.	43
4.6	Ringkasan Hipotesis	46



**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	47
5.2 Perbincangan	47
5.2.1 Objektif 1: Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Secara Atas Talian	47
5.2.2 Objektif 2: Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Yang Digunakan Oleh Pensyarah Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu Secara Atas Talian	48
5.2.3 Objektif 3: Tahap Penerimaan Pelajar Melalui Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Pdp Secara Atas Talian Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu.	49
5.3 Cadangan	49
5.3.1 Borang Soal Selidik	49
5.3.2 Pemilihan Responden	49
5.4 Kesimpulan	51

**RUJUKAN**



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.5.1	Soal Selidik	29
3.6	Analisis Data	32
3.7.1	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	33
3.7.2	Kebolehpercayaan Keputusan Ujian Kajian Sebenar	33
4.2	Latar Belakang Responden	37
4.3	Statistik deskriptif bagi Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Secara Dalam Talian	37
4.3	Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Secara dalam Talian	38
4.4	Analisis Regresi Keberkesanan Kaedah Pengajaran	39
4.4	Keberkesanan Kaedah Pembelajaran yang Digunakan oleh Pensyarah Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu Secara Atas Talian	40
4.5	Statistik deskriptif bagi Tahap Penerimaan Pelajar Melalui Kaedah Pengajaran yang Digunakan oleh Pensyarah Dalam Pdp Secara Atas Talian Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu	42
4.5	Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Penerimaan Pelajar Melalui Kaedah Pengajaran yang Digunakan oleh Pensyarah Dalam Pdp Secara Atas Talian Bagi Kursus Tari Tradisional Melayu	42
4.6	Ringkasan Hipotesis	44





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	9
3.0 Carta Alir Proses Kajian Dilakukan	23
3.2 Ringkasan Reka Bentuk Kajian	25
4.2 Carta Pai Bagi Latar Belakang Responden	36





X

## SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ISM	Ijazah Sarjana Muda
PDP / PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
BBM	Bahan Bantu Mengajar
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
H1	Hipotesis 1
$\beta$	Beta





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Google Form
- B Carta Pai
- C Analisis Regresi
- D Sisihan Min dan Piawai
- E ANOVA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri, telah menamatkan tempoh peralihan 14 hari bermula 18 Mac 2020 kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<sup>1</sup> Tarikh ini merupakan satu tarikh kejutan yang menjadi ingatan bagi seluruh rakyat Malaysia termasuklah warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dimana berlakunya gelombang pandemik wabak koronavirus (COVID-19) yang boleh membunuh ratusan nyawa manusia dalam tempoh masa yang singkat di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan bagi mengurangkan kadar peningkatan penyakit koronavirus dengan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020 yang diisyiharkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Berita Harian, 2020). Dalam konteks semasa, COVID-19 telah memberi sumbangan besar kepada sektor pendidikan Malaysia sambil turut menangani isu kesihatan, ekonomi, politik dan sosial.

COVID-19 ini telah memberikan kesan yang sangat mendalam dalam kehidupan manusia terutamanya bagi pelajar universiti yang mengalami masalah dalam pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Hal ini dikatakan demikian kerana pelaksanaan PKP bagi penutupan kesemua institusi pendidikan adalah diwajibkan agar dapat mengurangkan jurang penyebaran virus dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Penularan wabak COVID-19 ini juga telah menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh serta memberikan cabaran kepada pelajar untuk menyiapkan tugas secara atas talian megikut norma kehidupan baharu yang memerlukan proses PdP dilaksanakan secara atas talian.

---

<sup>1</sup> Junhairi Alyasa. (2020). Covid-19: Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula 18 Mac. Sinar Harian.





Aktiviti pengajaran melibatkan penyebaran ilmu melalui perancangan, penyampaian, dan penilaian. Memandangkan pengajaran merupakan satu aktiviti atau proses ketika mengajar, aktiviti seperti menyampaikan, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan pelbagai lagi aktiviti yang akan dijalankan, mengatasi Sharifah Alwiah (1983). Walaupun bukan setiap aktiviti yang dikaitkan dengan latihan mengajar merupakan alat komunikasi antara guru dan pelajar, beliau juga melihat proses ini sebagai satu bentuk komunikasi.<sup>2</sup> Manakala pembelajaran pula adalah proses belajar. Pengetahuan boleh dijelaskan dan dikembangkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang ketat, yang merupakan elemen terpenting. Pengajaran berkesan disifatkan sebagai satu proses untuk mencipta maklumat dan membantu dalam pengagihan ilmu yang akan merendahkan ambang pembelajaran. Semasa menghadiri sesuatu pelajaran atau ketika membuat persediaan untuk pelajaran yang diberikan oleh guru, perubahan tingkah laku seseorang murid mungkin dapat dilihat hasil daripada kefahaman dan kemahiran yang dipelajari. Selain itu, pendidikan berwibawa dianggap sebagai satu-satunya bentuk pengajaran yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan dewasa dengan ketara (Hunter, 1995 dalam Esah, 2003).

<sup>3</sup>



Kursus Tari Tradisional Melayu adalah kursus yang telah dilaksanakan dalam silibus pengajian bagi bidang tari dalam Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan Tari di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dalam struktur program mengikut semester Sarjana Muda Seni Persembahan Tari, ADP3043 Tari Tradisional Melayu merupakan kursus yang wajib di ambil oleh pelajar semasa semester 2. Kursus ini memperkenalkan unsur-unsur tari tradisional Melayu yang lebih kepada genre tarian asas untuk latihan dalam teknik, komposisi, dan persembahan. Kursus ADP3043 Tari Tradisional Melayu ini diajar oleh Encik Hafzan Zannie Bin Hamza. Beliau merupakan pensyarah tari bagi Fakulti Muzik dan Seni Persembahan di Univeristi Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjong Malim, Perak. Beliau mempunyai kelayakan akademik bagi Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam Pengurusan Tarian Tradisional pada tahun 2005 di Jabatan Pembangunan Kemahiran. Beliau telah menyambung pelajaran bagi Sarjana Seni Persembahan pada tahun 2013 di Universiti Malaya. Beliau juga mempunyai pengkhususan dalam

<sup>2</sup> Aisyah Yamin. TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.

<sup>3</sup> Azizi Yahaya & Atiqah Sharudin. (2007). Model Pengajaran.





Etnokoreologi. Beliau telah mengajar Tari Tradisional Melayu yang lebih menitikberat kepada Zapin Melayu Johor sepanjang semester 2.

Dalam kursus ADP3043 Tari Tradisional Melayu, Encik Hafzan telah memperkenalkan empat jenis tarian Melayu iaitu Tarian Zapin Melayu Johor, Tarian Senandung, Tarian Inang, dan Tarian Joget. Menerusi gelombang pembelajaran atas talian, terdapat banyak halangan dan rintangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menerusi kelas praktikal sepanjang semester 2 berlangsung. Hal ini telah menyebabkan pelbagai inisiatif yang digunakan oleh pensyarah untuk mengajar pelajar kelas tarian secara atas talian. Selain itu, pembelajaran secara atas talian juga mempunyai keburukannya yang tersendiri yang dapat mendatangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar mahupun pensyarah. Dalam kelas Tari Tradisional ini, pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah untuk membantu pelajar untuk menguasai subjek Tari Tradisional Melayu dengan baik. Strategi pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam mengendalikan kelas praktikal adalah dengan menggunakan multimedia untuk menyalurkan bahan PdP.

Menurut Dick W. & Reiser (1999), teknologi untuk pendidikan ialah satu sistem yang boleh merangkumi alatan, bahan, dan struktur organisasi yang boleh digunakan secara tidak formal untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran berbanding dengan tetapan bilik darjah konvensional. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2003), beberapa kaedah baru yang diiktiraf dapat meningkatkan kualiti pengajaran untuk pelajar dan ketetapan pengajaran yang disampaikan oleh guru.<sup>4</sup>

Tuntasnya, tesis ini ingin memberikan focus terhadap pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dalam mengendalikan kelas praktikal bagi kursus ADP3043 Tari Tradisional Melayu. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan penerimaan pelajar terhadap pendekatan yang diaplikasikan dalam pengajaran atas talian.

---

<sup>4</sup> Ismail Basiron. (2012). KESAN KAEADAH PENGAJARAN MULTIMEDIA INTERAKTIF DALAM PENGAJARAN SENI VISUAL.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Gergers (2005), pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam *Mu'jam Mustalahat al-Tarbiyyah wa al-Ta'līm* merupakan dua terma yang berbeza. Menurut beliau pengajaran adalah sebagai *ta'līm* atau *teaching* yang diiktibarkan sebagai wahana penyampaian kemanusiaan dan wahana pendidikan iaitu untuk menyalurkan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar.<sup>5</sup> Ini ditunjukkan oleh fakta bahawa pembelajaran tidak akan berterusan tanpa penyertaan tiga individu—seorang guru, pelajar, dan rakan sebaya—yang bersama-sama membentuk "bahan bantu mengajar" (BBM), yang berfungsi sebagai saluran untuk guru berkomunikasi bersama pelajar. Di samping itu, tujuan pendidikan adalah untuk mengajar pelajar memahami konsep seperti sifat, kemahiran, dan pengetahuan yang akan memberi manfaat kepada mereka secara peribadi. Oleh itu, maksud PdP dalam kajian ini ialah pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dalam mengendalikan kelas praktikal dan keberkesanan penerimaan pelajar dengan kaedah yang digunakan dalam PdP secara atas talian. Menurut Alamanak Pendidikan (Yaakub Isa 1996), pengajaran dan pembelajaran adalah dua proses berasingan yang mengaplikasi dan mengkategorikan pengetahuan untuk mengelakkan interaksi yang betul antara guru yang menjalankan pengajaran dan pelajar yang mengalami pembelajaran. Setakat ini PdP dijalankan melalui pelbagai cara kerana PdP menggunakan pelbagai teknik atau metodologi di samping menilai deria setiap murid.<sup>6</sup>

*"... Dancing involves learning the skills to perform and using movement principles that are universal to dance and specific to the form... Dance making involves directed dances (directed either by the teacher or student) and using choreographic principles that culminate in either informal or formal production... Dance appreciation is viewing, perceiving, and responding to dance using aesthetic principles that are universal to dance and specific to the form." (Kassing, 2003)*

Bersandarkan petikanan penyataan di atas, Gayle Kassing dan Danielle M. Jay, 2003, menfatwakan bahawa pendidikan tari adalah satu bidang yang melibatkan proses mendidik

<sup>5</sup> Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran.

<sup>6</sup> Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran.





pelajar-pelajar tentang pembelajaran: menari, koreografi dan apresiasi atau penghayatan tari.

Bagi menerangkan maksud pendidikan tari, pemahaman tentang fungsi tari dalam konteks pendidikan perlulah diambil kira. Sebagai contoh, pendidikan tari memacu reaksi kreativiti pelajar-pelajar, kemampuan berkomunikasi, disiplin pelajar-pelajar, kapabiliti daya usaha dalam menyelesaikan masalah dan sikap diri dalam pembelajaran tarian. Oleh hal yang sedemikian, jelaslah bahawa pendidikan tari bukan sahaja mengajar tentang tari, malah bidang ini mewujudkan pelajar-pelajar yang lebih berfikiran kreatif dan kritikal, juga dapat membentuk disiplin diri dalam kalangan pelajar-pelajar disekelilingnya.

Dengan penularan wabak COVID-19, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan telah mengambil inisiatif meneruskan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan teknologi dalam talian atau pembelajaran di rumah bagi memastikan pelajar dapat akses kepada pendidikan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya bentuk pengajaran yang berjaya menggabungkan pengajaran berasaskan komputer dan pengajaran bilik darjah terbuka. Namun begitu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia tidak tertumpu kepada pendekatan pembelajaran dalam talian sepenuhnya. Ini terbukti menerusi kenyataan Anuar Ahmad (2020), yang mendakwa walaupun kaedah itu dilaporkan telah digunakan, namun ia masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh beberapa institusi pengajian tinggi di luar bandar. E-pembelajaran lambat berkembang di Malaysia, kata Hafiza Abas (2020), kerana terdapat banyak masalah seperti bahan pengajaran yang terhad, status capaian internet, masalah teknikal, kandungan pembelajaran yang kurang menarik dan kebosanan. Setiap masalah dalam perkara ini telah menimbulkan keimbangan tentang keberkesanannya penggunaan bahasa pengantar pelajar semasa dalam kelas untuk memajukan pembelajaran amali tarian.

Menurut Soedarsono (1984:3), tarian ialah luahan perasaan manusia yang disalurkan melalui gerak-geri yang berirama dan indah. Tarian juga merupakan penjana bahasa ekspresif yang dicipta oleh manusia untuk dibaca dan dituturkan. Tarian mempunyai tradisi





dan tarian tradisional yang telah berkembang dalam kehidupan masyarakat, sentiasa mencerminkan corak dan budaya tradisional masyarakat. Tarian tradisional juga telah menjadi anugerah bagi kumpulan etnik yang berkaitan pada masa lalu dan satu cara untuk menyatukan manusia. Tarian tradisi ini juga membolehkan kita untuk mengetahui asal usul bagi daerah tarian tersebut dengan mempunyai ciri-ciri tertentu dari daerah yang menentukan suatu jenis tarian tersebut. Orang Melayu, sebagai contoh, terkenal dengan budaya konservatif dan peraturan yang unik sejak sekian lama. Dalam mempelajari Tari Tradisional Melayu, ia mempunyai empat jenis variasi tarian iaitu Tarian Zapin, Senandung, Inang, dan Joget yang telah lama berkembang dalam masyarakat Melayu dahulu. Subjek bagi ADP3043 Tari Tradisional Melayu ini lebih menekan Zapin Melayu Johor. Pensyarah lebih menitik beratkan tarian Zapin berbanding dengan tarian-tarian yang lain. Tarian Zapin adalah sejenis tarian rakyat tradisional bagi masyarakat Melayu dalam Kepulauan Nusantara di Semenanjung Tanah Melayu. Tarian ini telah diilhamkan oleh peranakan Arab dan ia dikatakan adalah berasal dari Yaman melalui perdagang asal disana. Oleh itu, pembelajaran secara dalam talian untuk mempelajari tarian tradisional Melayu bagi kelas praktikal bagi pelajar yang tidak mempunyai asas tarian tradisional dapat menimbulkan cabaran yang sangat tinggi terhadap penerimaan pelajar dengan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah.

Pengajar yang telah merancang untuk memudahkan kelas dalam talian ini kadangkala mereka akan menumpukan pada perbezaan antara pengajaran dalam talian dan dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan yang ketara seperti kekurangan pertemuan bersemuka yang kerap dengan pelajar dalam bilik darjah. Dengan adanya kelas jarak jauh dan pengajaran atas talian ini sukar bagi pelajar seni persembahan terutamanya pelajar tari kerana pelajar memerlukan bantuan dan sokongan dari segi keluasan tempat untuk mengikuti pengajaran secara atas talian. Oleh itu, sebagai seorang pengajar, pengajar akan memahami pelbagai jenis keperluan pelajar yang jelas semasa dalam kelas bersemuka. Oleh itu, pengajar akan membuat struktur atau menyusun semula bahan kursusnya supaya semua pelajarnya dapat mengakses maklumat yang dipelajari semasa di dalam kelas. Kepelbagaiannya kaedah dan media pengajaran ini dapat membantu pengajar memastikan





semua keperluan pelajar dapat dipenuhi. Menurut Wiliams, Paprock, & Covington (2000), mengatakan bahawa

*...the teacher's ability to troubleshoot when students are using the materials on site, as opposed to students using online materials independently. It is easy for teachers to add these resources to the lesson plan for the day if they want to change the lecture notes for the day or add a new slide, PowerPoint slide or handout. A last minute change is possible. Teachers can also address issues that arise when students are working in a lab or doing a group project in class...*

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaslah bahawa pengajar perlulah memberikan bahan tersebut dengan lebih awal daripada masa kelas supaya pelajar dapat mengulangkaji sebelum masuk ke kelas. Maklumat yang diberikan haruslah jelas agar memudahkan pelajar untuk memenuhi permintaan daripada pengajar. Menurut Wiliams, Paprock, & Covington (2000), telah mengakui bahawa meningkatkan bahan yang berkualiti tinggi untuk pelajar jarak jauh memakan masa dan memerlukan banyak perancangan dimana bahan-bahan tersebut haruslah mengikuti proforma yang betul. Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran perlulah mengikuti struktur kursus dalam pembelajaran.

Pendekatan pengajaran yang baik meramalkan pelajar mengenal pasti minat mereka dan melibatkan diri dalam proses pembelajaran, yang boleh membawa kepada proses pembelajaran yang berkesan (Aton Long, 1978). Pensyarah boleh memotivasi pelajar untuk meneruskan pembelajaran supaya dapat meningkatkan keberkesanannya penerimaan pelajar dalam PdP melalui pendekatan pengajaran seperti ini.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Penyebaran wabak COVID-19 telah berleluasa pada tahun 2020 dan telah menyebabkan berlakunya perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia. Hal ini telah





menyebabkan penutupan kesemua ssekolah dan universiti bagi mengurangkan jurang penyebaran penyakit COVID-19 ini. Pihak KPM telah mengumumkan bahawa kesemua pengajaran dan pembelajaran secara maya iaitu atas talian. Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini merupakan perkara yang paling sukar untuk pelajar yang mempunyai kelas praktikal terutamanya kepada pelajar seni persembahan. Oleh itu, walaupun PKP telah dikuatkuasa di seluruh Malaysia, semua institusi diwajibkan untuk menjalankan pengajaran secara atas talian agar dapat meneruskan pembelajaran secara maya melalui teknologi. Namun begitu, disebabkan oleh kesukaran bagi pelajar untuk menghadiri kelas online, maka terhasilnya kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dengan memberikan maklumat melalui video dan buku secara maya. Justeru itu, terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di UPSI yang mendorong penyelidik untuk menyelidik dan mengkaji permasalahan tersebut dengan lebih jelas.

Pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka telah digantikan dengan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian akibat daripada penularan wabak COVID-19 yang telah menghadkan pergerakan pelajar dan pensyarah untuk meneruskan PdP di institusi bagi mengurangkan penularan penyakit berjangkit semakin meningkat dalam kalangan pelajar. Pendekatan pengajaran yang baik memprediksi pelajar untuk mengenal pasti minat mereka dan melibatkan diri dalam proses pembelajaran, dengan boleh membawa proses pembelajaran yang berkesan.

Kebiasaannya masalah pembelajaran secara atas talian ini adalah dipengaruhi oleh tahap kesediaan pelajar. Pelajar tidak bersedia untuk meneruskan pembelajaran secara atas talian kerana ramai pelajar yang menghadapi masalah dalam pencapaian internet tidak kira di kawasan bandar maupun luar bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana ada di kalangan pelajar yang merupakan pelajar yang berada diluar bandar sukar untuk mendapatkan capaian internet yang agak sangat lemah serta tidak mempunyai akses terhadap capaian internet. Kebanyakan pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar ini akan tercincir apabila kaedah pengajaran dan pembelajaran dilakukan manakala bagi pelajar yang berada di bandar juga sukar untuk mengakses internet atas sebab masalah kewangan untuk membeli data. Sehubungan itu, masalah capaian internet ini dapat menjelaskan prestasi





pelajar yang kerap ketinggalan penerimaan ilmu pengetahuan. Atas sebab di atas, kapasiti internet yang rendah merupakan faktor kritikal dalam proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Matlamat kajian berterusan ini adalah untuk memahami persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dalam talian dan untuk mengetahui sejauh mana pelajar menerima pembelajaran dalam talian untuk kursus ADP3043 Tari Tradisional Melayu pada tahun 2021.

## 1.4 Objektif Kajian

Matlamat objektif kajian yang dimaksudkan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- 1.5.1 Untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara atas talian.
- 1.5.2 Untuk menjelaskan keberkesanan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah bagi kursus Tari Tradisional Melayu secara atas talian.
- 1.5.3 Untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam PdP secara atas talian bagi kursus Tari Tradisional Melayu.

## 1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada beberapa persoalan yang telah ditimbulkan untuk merungkaikan objektif dan permasalahan kajian. Antara persoalan kajian yang akan dikemukakan ialah;


- 1.5.1 Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara atas talian?
- 1.5.2 Bagaimanakah keberkesanan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah bagi kursus Tari Tradisional Melayu secara atas talian?
- 1.5.3 Bagaimanakah tahap penerimaan pelajar melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam PdP secara atas talian bagi kursus Tari Tradisional Melayu?





## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dicadangkan dalam Rajah 1.7 ini digunakan untuk dalam penyelidikan bagi melihat unsur-unsur yang mungkin menjadi faktor dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian. Justeru itu, batasan bagi tahap kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran ini akan menjadi pembolehubah tak bersandar manakala keberkesanan pembelajaran dalam talian ini akan menjadi pembolehubah bersandar. Namun, semua elemen ini akan dilihat berdasarkan keberkesanan pembelajaran dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika penglibatan pelajar dalam PdP terhad, tahap kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran boleh menjelaskan keberkesanan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, kerangka konseptual ini boleh menentukan sama ada pelajar yang terlibat semasa Covid-19 ini dapat memberikan bukti yang baik tentang keberkesaan pelbelajaran secara atas talian kepada generasi akan datang.

### Pembolehubah Tak Bersandar



### Pembolehubah Bersandar



*Rajah 1.7 Kerangka Konseptual Kajian*

*Sumber rujukan:* (Ripin, 2003)



### 1.6.1 Hipotesis Penyelidikan

Dua hipotesis kerja utama telah dibangunkan berdasarkan julat konsep kerja dalam kajian ini;

**H1:** Terdapat hubungan positif antara tahap kesediaan pelajar dan tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian.

**H2:** Terdapat hubungan positif antara penerimaan pelajar dan tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian.

### 1.7 Kepentingan Kajian

Langkah ini diambil kerana ia mempunyai kepentingan kajian yang tidak berat sebelah dan boleh memberi kesan kepada individu, masyarakat dan institusi di UPSI. Pengkaji berharap agar penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar UPSI untuk menangani masalah yang dihadapi semasa menjalani pengajaran dan pembelajaran bagi kelas praktikal Tari Tradisional secara atas talian. Kajian ini juga diharapkan agar dapat memberikan satu gambaran yang sebenar tentang keperluan pelajar semasa mengikuti sesi pembelajaran Tari Tradisional Melayu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana penerimaan pelajar terhadap pendekatan pedagogi yang telah dilaksanakan oleh pengajar tari dalam kelas Tari Tradisional Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hal ini juga benar kerana pengalaman pelajar yang dilaporkan dapat difahami dengan melihat maklum balas rakan sebaya tentang proses pengajaran Tarian Tradisional Melayu. Sehubungan dengan itu, pengkaji yakin kajian yang menyeluruh perlu dijalankan bagi mencapai matlamat untuk mencari kaedah terbaik untuk mengendalikan kelas Tari Tradisional Melayu. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Kajian ini dapat memberikan kesedaran serta pengetahuan terutamanya kepada pelajar universiti untuk bersedia menghadapi masalah dalam penerapan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Hal ini dikatakan demikian agar pelajar dapat



mengetahui lebih mendalam berkaitan dengan pendekatan yang digunakan oleh pengajar dalam penerapan kelas Tari Tradisional Melayu. Oleh itu, kajian ini amatlah penting untuk pengkaji mengimbau kembali mengenai bagaimana menghadapi situasi belajar secara dalam talian iaitu dengan memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai kesediaan pelajar untuk belajar secara dalam talian yang tidak pernah dihadapi sebelum ini.

- ii) Kepentingan kajian ini adalah sebagai salah satu bahan rujukan kepada mereka yang ingin membuat kajian dan memahami dengan lebih mendalam mengenai penerapan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran kelas Tari Tradisional Melayu secara dalam talian. Bukan itu sahaja, malah kajian ini juga penting kerana ia boleh dijadikan sebagai titik pengajaran mudah kepada generasi yang akan tiba di kancang tentang teknik yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan ulang kaji supaya pelajar memahami strategi dan teknik belajar dengan yakin.
- iii) Selain itu, kajian ini amat penting terutamanya kepada pihak universiti. Hal ini demikian kerana pengkaji dapat merungkaikan permasalahan yang timbul dengan lebih mendalam serta dapat membantu pihak pengurusan universiti untuk membentuk struktur pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam subjek Tari Tradisional Melayu.
- iv) Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan manfaat dan ilmu pengetahuan kepada pelajar universiti serta para penyelidik yang akan menyambung kajian ini dan dijadikan sebagai panduan mahupun sumber rujukan kepada mereka yang akan melakukan penyelidikan yang berkenaan pada masa akan datang.
- v) Akhir sekali, kajian ini amat penting kerana ia dapat membantu kita untuk menjelaskan lebih mendalam mengenai kepentingan penerapan pedagogi bagi pengajar untuk mengendalikan kelas secara bersemuka mahupun secara dalam talian. Justeru itu, kajian ini dapat mendedahkan tahap kesediaan pelajar dan tahap



keberkesanan penerimaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bagi kelas Tari Tradisional Melayu secara dalam talian.

### 1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, ia hanya tertaluk kepada beberapa batasan yang merangkumi skop kajian di mana ia dijadikan sebagai landasan untuk pengkaji melakukan kajian supaya tidak meluas dan hanya fokus dalam hal-hal yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji. Pengkaji akan melakukan penyelidikan untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran kelas Tari Tradisional Melayu dan tahap penerimaan pelajar terhadap pendedahan yang digunakan oleh pengajar dalam kelas secara dalam talian. Selain itu, batasan kajian ini hanyalah tertumpu kepada pelajar-pelajar semester 2 bagi Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan yang telah mengikuti pembelajaran atas talian bagi sesi Mac 2021 di UPSI.

